

KAEDAH PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM (ASSESSMENT OF TEACHING AND LEARNING IN ISLAMIC EDUCATION)

Kamarul Azmi Jasmi
Siti Hanim Naim
Hilman Muhamad

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Jasmi, K. A., Naim, S. H. & Muhamad, H. (2012). Kaedah Penilaian Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam (Assessment of Teaching and Learning in Islamic Education) in *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam [SEAPPI2012]* (*International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]*) at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 77-89. ISBN 99917-44-89-4.

Abstrak

Kertas kerja ini menyenaraikan garis panduan penilaian dalam pengajaran pendidikan Islam. Guru pendidikan Islam diperkenalkan kepada penilaian formatif dan penilaian sumatif serta perbezaan keduanya untuk mengesan dan mengetahui sejauh mana kemajuan dan penguasaan pelajar terhadap kefahaman sesuatu topik dalam pembelajaran pendidikan Islam. Manakala ujian berbentuk soalan subjektif, soalan objektif serta kuiz juga dicadangkan dan ia cara yang paling biasa digunakan untuk menilai prestasi pelajar. Selain itu, format ujian alternatif boleh digunakan bagi kursus bersifat statistik serta para pelajar dibenarkan untuk menjawab soalan peperiksaan secara berkumpulan. Penilaian dengan tugas bertulis juga akan membantu para pelajar untuk mengasah kemahiran mereka dalam penulisan dan juga membantu guru menilai pengetahuan pelajar dengan lebih baik.

Abstract

This paper lists the guidelines assessment in teaching Islamic Education. Islamic Education teacher introduced to formative assessment and summative assessment and the difference both of its and to detect and understand the extent of progress and the students' understanding of a topic in the study of Islamic Education. While testing the form of questions subjective, objective questions, and quizzes are also proposed and it is the most common way used to assess student performance. In addition, alternative test format can be used for statistical subject and students are allowed to answer the exam questions in group. Evaluation of written assignments will help students to hone their skills in writing and also help teachers assess students' knowledge better.

KAEDAH PENILAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM PENDIDIKAN ISLAM

Kamarul Azmi Jasmi
Siti Hanim Naim
Hilman Muhamad

Abstrak

Kertas kerja ini menyenaraikan garis panduan penilaian dalam pengajaran pendidikan Islam. Guru pendidikan Islam diperkenalkan kepada penilaian formatif dan penilaian sumatif serta perbezaan keduanya untuk mengesan dan mengetahui sejauh mana kemajuan dan penguasaan pelajar terhadap kefahaman sesuatu topik dalam pembelajaran pendidikan Islam. Manakala ujian berbentuk soalan subjektif, soalan objektif serta kuiz juga dicadangkan dan ia cara yang paling biasa digunakan untuk menilai prestasi pelajar. Selain itu, format ujian alternatif boleh digunakan bagi kusus bersifat statistik serta para pelajar dibenarkan untuk menjawab soalan peperiksaan secara berkumpulan. Penilaian dengan tugas bertulis juga akan membantu para pelajar untuk mengasah kemahiran mereka dalam penulisan dan juga membantu guru menilai pengetahuan pelajar dengan lebih baik.

Kata Kunci: Soalan objektif, soalan subjektif, ujian alternatif

PENGENALAN

Kertas kerja ini membincangkan mengenai kaedah penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dengan disediakan garis panduannya untuk membuat sesuatu penilaian. Perbincangan ini termasuklah dua jenis penilaian iaitu penilaian formatif dan sumatif yang juga diterangkan apakah perbezaan antara keduanya. Selain itu, terdapat penilaian yang berbentuk ujian dan kuiz seperti ujian subjektif, ujian objektif dan format ujian alternatif.

GARIS PANDUAN PENILAIAN DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Terdapat tujuh garis panduan yang boleh membantu seorang pengajar untuk membuat keputusan bagaimana dan bila waktunya untuk menilai pelajar.

- (1) Penyataan objektif pembelajaran perlu dinyatakan dalam bentuk perlakuan pelajar. Objektif pembelajaran hendaklah dinyatakan dengan jelas, tepat, spesifik dan dikongsi bersama para pelajar. Mereka harus diberitahu objektif pembelajaran yang paling penting dan kemahiran apakah yang guru mahu pelajar miliki bersesuaian dengan tahap kebolehan pelajar. Objektif tersebut hendaklah sesuatu yang relevan yang boleh dicapai dalam tempoh sesuatu pelajaran. Informasi-informasi seperti ini boleh membantu pelajar untuk lebih memahami dan boleh menerima tentang kepentingan penilaian di dalam bilik darjah (Lucas & Bernstein, 2005)

- (2) Kaedah penilaian yang digunakan mestilah menjurus kepada objektif pembelajaran dan kemahiran yang telah ditekankan. Usaha untuk memadankan cara penilaian dengan objektif pembelajaran yang dimahukan bukanlah perkara senang untuk dibuat. Ini kerana apabila seorang guru telah disibukkan dengan membuat kertas peperiksaan, kuiz dan apa jua jenis penilaian yang memerlukan untuk menyiapkan semua dalam satu tempoh yang tertentu, ia boleh menyebabkan guru itu terlepas pandang sama ada ia menjurus kepada objektif yang dimahukan seperti yang telah guru itu jelaskan kepada para pelajar sebelumnya atau sebaliknya. Walaupun guru itu berusaha untuk cuba memadankannya, kesuntukan masa boleh saja mendesaknyanya untuk merendahkan standard penilaiannya. Dalam satu kajian, majoriti soalan-soalan yang disediakan oleh fakulti adalah soalan yang memerlukan pelajar untuk mengingati nama-nama, istilah dan beberapa fakta lain yang terperinci (Lucas & Bernstein, 2005)
- (3) Gunakan jenis penilaian sebanyak mungkin dan hendaklah ia dipelbagaikan. Secara keseluruhannya, jika banyak jenis penilaian yang digunakan untuk menghasilkan penilaian yang mutakhir, ia akan menjadikan penilaian tersebut lebih munasabah. Guru-guru yang memberikan markah hanya berdasarkan markah ujian pertengahan tahun dan juga peperiksaan akhir tahun menunjukkan bahawa kaedah penilaian seperti itu belum mencukupi untuk menilai hasil pembelajaran para pelajar. Tambahan lagi, penilaian yang hanya berdasarkan ujian objektif sepenuhnya ataupun hanya berdasarkan hasil kertas kerja bertulis mungkin tidak dapat memberi peluang kepada pelajar untuk membuktikan pengetahuan pelajar tersebut sepenuhnya (Lucas & Bernstein, 2005)
- (4) Bantu pelajar untuk membuat yang terbaik dalam membuat tugasan. Sebagai contoh, sekiranya guru memberi tugasan berbentuk projek berkumpulan kepada pelajar, dia hendaklah menjelaskan dengan terperinci apakah objektif yang dimahukan hasil daripada tugasan tersebut, iaitu sama ada guru mahu mereka menghasilkan ulasan mengenai sesebuah tajuk ataupun perlu dibentangkan kertas kerja itu di dalam bilik darjah. Pelajar-pelajar juga harus dinasihatkan untuk menyemak semula hasil projek terdahulu yang mendapat markah tinggi dan rendah sebagai rujukan. Sekiranya guru merancang untuk memberi ujian berbentuk soalan-soalan objektif, berikan tips kepada para pelajar tentang bagaimana hendak menjawab soalan tersebut dengan betul, tunjukkan dan bincang bersama mereka dengan memberikan contoh-contoh soalan. Guru juga boleh menyediakan kuiz-kuiz dan ujian-ujian yang lepas untuk melatih pelajar kemahiran dalam menjawab soalan (Lucas & Bernstein, 2005)
- (5) Lahirkan keyakinan dalam diri pelajar. Guru bertanggungjawab untuk sentiasa memberikan galakan kepada para pelajar untuk berusaha bersungguh-sungguh dan melahirkan keyakinan dalam diri mereka dengan kebolehan yang mereka miliki untuk mencapai objektif pembelajaran. Galakan seperti ini boleh memberikan motivasi kepada mereka untuk berbuat demikian (Lucas & Bernstein, 2005)
- (6) Elakkan daripada membuat penilaian yang boleh menyebabkan hilangnya kerjasama di antara pelajar. Persaingan yang wujud daripada hasil penilaian sememangnya tidak dapat dielakkan. Ia boleh memberikan motivasi kepada pelajar. Namun hendaklah dipastikan bahawa sistem penilaian yang guru gunakan tidak akan menimbulkan persaingan yang kurang sihat yang boleh menyebabkan para pelajar tidak mahu membantu mahupun berkerjasama sesama mereka (Lucas & Bernstein, 2005)
- (7) Nilai sendiri sistem penilaian yang guru itu gunakan. Jika ramai di antara pelajar yang mendapat markah rendah dalam kuiz, ujian dan apa jua bentuk penilaian yang diberikan, guru tersebut perlu tanya dirinya sendiri kenapa ia berlaku. Adakah masalah itu timbul dalam bentuk penilaian yang guru berikan? Adakah ia berlaku disebabkan ia tersasar

daripada objektif pembelajaran yang telah ditentukan? Adakah ia berpunca daripada cara guru itu sendiri dalam mengajar pelajaran tersebut? Atau mungkin masalah tersebut terletak dalam diri pelajar itu sendiri? Soalan-soalan yang berbentuk refleksi sendiri ini benar-benar boleh membantu guru tersebut memperbaiki cara pengajarannya dan juga sistem penilaian yang guru itu gunakan (Lucas & Bernstein, 2005)

PENILAIAN FORMATIF DAN PENILAIAN SUMATIF

Penilaian terbahagi kepada dua jenis. Iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Tujuan penilaian formatif digunakan adalah untuk mengesan dan mengetahui sejauh mana kemajuan dan penguasaan pelajar. Penilaian sumatif pula digunakan untuk mengesan dan mengetahui pencapaian pelajar (Mok Soon Sang, 2009)

Penilaian Formatif

Penilaian formatif merupakan ujian yang digunakan untuk menilai pengetahuan pelajar setelah mereka mencapai hasil pembelajaran sesuatu bahagian pelajaran, misalnya setelah selesai satu bab dalam buku teks. Penilaian ini berbentuk tidak formal seperti menggunakan kaedah soal jawab secara lisan, kuiz, memeriksa hasil kerja pelajar di dalam bilik darjah dan juga di rumah, dan sebagainya. Setelah ada keputusan, ia digunakan untuk memperbaiki lagi pelajaran tersebut dan bukannya memberikan penilaian ataupun kedudukan di dalam bilik darjah (Mok Soon Sang, 2009)

Penilaian formatif ini menurut kebiasaannya digunakan untuk mengenal pasti kelemahan penguasaan pelajar secara individu untuk diperbetulkan serta-merta. Oleh yang demikian, penilaian ini sering digunakan selepas sesuatu unit pelajaran tersebut diajarkan di dalam waktu pengajaran itu sendiri dengan menggunakan kaedah secara individu (Mok Soon Sang, 1994). Manakala ujian kertas-pensel dalam bentuk formal digunakan untuk menilai kemajuan dan peningkatan mereka. Ujian ini biasanya diadakan setelah selesai belajar satu unit pembelajaran. Keputusan ujian ini direkodkan untuk membantu pelajar-pelajar tertentu untuk ditempatkan satu kumpulan yang sesuai dan merancang aktiviti pengayaan atau aktiviti pemulihan untuk mereka (Mok Soon Sang, 2009)

Penilaian Sumatif

Penilaian sumatif pula merupakan penilaian yang diadakan pada akhir sesuatu kursus seperti pada akhir sesuatu penggal, pertengahan atau akhir tahun. Cara penilaian sumatif adalah berbentuk formal dengan menggunakan kertas ujian, pensel, peperiksaan amali mahupun bertulis. Penilaian ini digunakan untuk menentukan pencapaian dan kedudukan pelajar dalam beberapa unit pembelajaran. Selain daripada penghasilan markah, ujian sumatif ini secara langsung akan menunjukkan keberkesanan sesuatu pengajaran (Ee Ah Meng, 1991).

Perbezaan antara Penilaian Formatif dengan Penilaian Sumatif

Perbezaan antara penilaian formatif dan juga sumatif ini boleh dilihat dari sudut pengertian, fungsi, aktiviti, masa, tekanan dalam penilaian, sasaran, fokus, kesukaran item, cara melapor markah, contoh dan tindakan (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Pengertian

Penilaian formatif adalah semua jenis ujian sama ada formal mahupun tidak formal untuk mengenal pasti penguasaan dan kemajuan pelajaran dengan bilik darjah. Penilaian sumatif pula hanya sejenis ujian yang berbentuk formal untuk mengesan pencapaian dalam sesuatu tahap persekolahan (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Fungsi

Penilaian formatif menghasilkan respons dan maklum balas kepada pelajar dan guru tentang kemajuan pelajar. Ujian ini untuk mengenal pasti punca kelemahan yang mungkin terjadi di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam untuk kegunaan dalam pendidikan pemulihan. Penilaian sumatif pula untuk menentukan kedudukan pelajar dan juga berguna untuk pensijilan mereka pada akhir kursus (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Aktiviti

Penilaian formatif diadakan dalam bentuk tidak formal. Ia boleh dilakukan dengan kaedah individu, kelas dan secara berkumpulan. Penilaian sumatif pula merupakan ujian yang diadakan secara formal dalam beberapa waktu pelajaran (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Masa

Masa untuk penilaian formatif adalah semasa mengajar sesuatu unit pelajaran. Penilaian sumatif pula dijalankan setelah mengajar beberapa unit pelajaran (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Tekanan dalam Penilaian

Penilaian formatif menekankan tingkah laku kognitif, psikomotor dan afektif. Manakala penilaian sumatif hanya menekankan tingkah laku dari sudut kognitif (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Sasaran

Sasaran bagi penilaian formatif adalah secara individu, berkumpulan dan kelas. Sasaran penilaian sumatif pula hanya secara kelas atau tingkatan (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Fokus

Penilaian formatif memfokuskan satu-satu segmen, sementara penilaian sumatif memfokuskan objektif kursus (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Kesukaran Item

Kesukaran item penilaian formatif berubah-ubah mengikut segmen. Dalam penilaian sumatif pula, kesukaran itemnya adalah dalam semua peringkat, ada yang sangat mudah dan ada yang sangat susah (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Cara Melaporkan Markah

Markah dalam penilaian formatif adalah sama ada dilaporkan gagal atau lulus. Manakala ujian penilaian sumatif, jumlah markah diambil kira (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Contoh

Contoh ujian penilaian formatif adalah seperti ujian bulanan. Contoh bagi penilaian sumatif pula adalah peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM, STPM, Sijil Perguruan, peperiksaan pertengahan tahun, peperiksaan akhir tahun dan sebagainya (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Tindakan

Penilaian formatif bertujuan untuk memperbetulkan dan memperbaiki kelemahan dengan serta-merta, menjalankan aktiviti pemulihan atau pengayaan dalam kelas. Sementara itu, penilaian sumatif bertujuan untuk menentukan tempat pelajaran di dalam kumpulan atau kelas yang sesuai, merancang dan mengubah suai kurikulum atau pelajaran atau memberi sijil berdasarkan pencapaian para pelajar dalam peperiksaan (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

UJIAN DAN KUIZ

Cara yang paling biasa digunakan untuk menilai prestasi pelajar adalah dengan memberikan pelajar-pelajar ujian bertulis dan juga kuiz. Ia boleh dibuat dengan ujian berbentuk subjektif seperti dalam format esei atau jawapan pendek dan ujian objektif.

Ujian Subjektif

Ujian subjektif adalah ujian yang terdiri daripada soalan-soalan yang memerlukan pelajar memberikan tindak balas secara lisan sama ada ia berbentuk bebas ataupun terhad. Tindak balas tersebut mungkin dalam satu ayat, beberapa ayat, beberapa perenggan atau sebuah karangan yang lengkap dan menyeluruh. Tindak balas yang dikehendaki ditentukan oleh penggubal-penggubal soalan (Ahmad Mohd. Salleh, 2011).

Ciri-ciri Ujian Subjektif

Ciri-ciri ujian subjektif adalah seperti berikut:

- (1) Pelajar terpaksa merancang dan menulis jawapan dengan menggunakan kebolehan bahasanya sendiri.
- (2) Pelajar menumpukan dan memperuntukkan banyak masa untuk berfikir dan menulis.
- (3) Kualiti ujian subjektif bergantung pada kemahiran pemarkahan jawapan.
- (4) Ujian subjektif tidak dapat menjelaskan objektif-objektif yang diharapkan daripada pelajar dengan tepat untuk dijadikan asas nilai pencapaian kemahiran bahasa yang mereka gunakan (Ahmad Mohd. Salleh, 2011)

Panduan Penggunaan dan Penulisan Ujian Bentuk Esei

Di sini ada beberapa tips untuk membuat soalan penulisan esei.

- (1) Soalan yang dikemukakan hendaklah sangat jelas. Sebagai contoh, “Huraikan sekurang-kurangnya dua kebaikan daripada menghubungkan silaturrahim dengan masyarakat” itu lebih jelas daripada “Apa pendapat kamu mengenai hubungan silaturrahim?” (Lucas & Bernstein, 2005).
- (2) Hasilkan soalan yang mencukupi untuk menilai objektif pembelajaran dalam beberapa topik, tapi jangan terlalu banyak sehingga menyebabkan pelajar tidak mempunyai masa yang cukup untuk memberikan jawapan yang berkualiti (Lucas & Bernstein, 2005).
- (3) Berikan informasi di dalam borang peperiksaan mereka berapa lamakah masa yang diperuntukkan kepada mereka untuk menjawab satu-satu soalan, atau sekurang-kurangnya nyatakan berapakah nilai setiap soalan. Informasi ini boleh membantu pelajar merancang peruntukan dan penggunaan masa dengan baik untuk menjawab setiap soalan peperiksaan (Lucas & Bernstein, 2005).
- (4) Jika guru mahu pelajar mempelajari pelbagai jenis kandungan kursus, beritahu mereka untuk menjawab semua item esei ujian guru itu. Sekiranya pelajar dibolehkan untuk memilih subset item bermakna pelajar akan mengambil ujian yang berbeza, yang mana ia akan menimbulkan kesukaran untuk membuat perbandingan terhadap prestasi mereka. Jika guru itu mahu pelajar memilih subset item esei, berikan jumlah subset yang besar seperti lima daripada enam. Sekiranya pelajar diberikan banyak pilihan (seperti dengan memilih dua daripada enam), ia boleh menyebabkan para pelajar hanya akan lebih menumpukan pembacaan kepada sesetengah konsep major di setiap seksyen kursus dan mengabaikan yang selebihnya (Lucas & Bernstein, 2005).

Soalan subjektif terbahagi kepada dua jenis, iaitu tindak balas lanjutan dan tindak balas terbatas. Pembahagian ini berdasarkan corak tindak balas terhadap sesuatu soalan subjektif sama ada bebas atau terbatas (Ahmad Mohd. Salleh, 2011).

Soalan Subjektif Tindak Balas Lanjutan

Soalan tindak balas lanjutan merupakan soalan jenis perbincangan. Soalan jenis ini memerlukan jawapan kepada soalan-soalan yang mengandungi perkataan-perkataan seperti terangkan, huraikan, bezakan, jelaskan, tafsirkan dan sebagainya. Unsur-unsur tindak balas lanjutan adalah antaranya ia memerlukan jawapan yang meluas, bebas dan asli dari segi mengemukakan fakta-fakta dan mengembangkan idea-idea secara logik sehingga menghasilkan jawapan yang original. Kelemahan soalan subjektif tindak balas lanjutan adalah kebolehpercayaan pemarkahannya rendah (Ahmad Mohd. Salleh, 2011). Contoh soalan-soalan tindak balas lanjutan:

- (1) Bandingkan peranan yang dimainkan oleh orang Muhajirin dengan peranan yang dimainkan oleh orang Ansar dalam usaha menyebar dan mempertahankan agama Islam.
- (2) Jelaskan faktor yang membawa kepada berlakunya serangan tentera al-Ahzab ke atas kota Madinah dan terangkan kumpulan-kumpulan utama yang terlibat dalam serangan tersebut.

Soalan Subjektif Tindak Balas Terbatas

Tindak balas terbatas ditentukan oleh bentuk atau batasan kandungan gerak balas pelajar. Tindak balas terbatas merangkumi jawapan mengingat kembali dan jawapan pendek. Soalan mengingat kembali, kebiasaannya soalan yang mengandungi perkataan siapa, bila, berapa, di mana dan apa dengan memberikan tindak balas tentang nama, tarikh, tempat, peristiwa, pengetahuan dan sebagainya. Jenis jawapan pendek pula melibatkan tindak balas satu frasa, kenyataan atau ayat yang mengandungi perkataan-perkataan seperti senaraikan, nyatakan, takrifkan dan sebagainya (Ahmad Mohd. Salleh, 2011).

Unsur-unsur tindak balas terbatas adalah ia membatasi isi tersebut dan bentuk tindak balas, iaitu batasan dan sukatan yang diperoleh dalam pernyataan-pernyataan soalan dan rangsangan soalan. Kelemahan bagi soalan ini ialah ia kurang membolehkan pelajar untuk mengatur, mengembangkan idea dan keaslian jawapan, namun pelajar-pelajar mempunyai kebolehpercayaan pemarkahan yang tinggi. (Ahmad Mohd. Salleh, 2011). Contoh soalan-soalan tindak balas terbatas:

- (1) Berikan dua sikap orang yang beriman.
 - (a) _____
 - (b) _____
- (2) Senaraikan hikmah zakat yang menyentuh keimanan, kemasyarakatan dan ekonomi.

Penilaian Soalan Subjektif

Soalan subjektif dalam bentuk esei dapat diberi penilaian dengan menggunakan kaedah secara analitikal atau kualiti global. Dalam skim kualiti global, guru memberikan penilaian kepada setiap pelajar berdasarkan kualiti keseluruhan jawapan pelajar dengan membandingkannya dengan jawapan pelajar yang lain atau berhubung dengan set kriteria subjektif guru itu sendiri. Kelemahan dalam pendekatan seperti ini adalah ia boleh menyebabkan kesulitan ataupun mustahil untuk guru menghuraikan kriteria penilaiannya. Hal ini menyukarkan guru untuk menjelaskan penilaian yang digunakan guru apabila pelajar datang mengadu tentang hal tersebut. Dalam kaedah analitikal selalunya menghasilkan penilaian yang senang untuk dipertahankan,

sebabnya guru itu telah membuat jawapan yang ideal pada setiap soalan awal-awal lagi (Lucas & Bernstein, 2005).

Tidak kira pendekatan yang mana untuk guru tersebut gunakan untuk membuat pemarkahan esei dan ujian jawapan pendek, pastikan ia membuat keputusan dan beritahu kepada pelajar-pelajar bagaimana ia akan mengendalikan jawapan pelajar yang tidak relevan di dalam esei yang mereka tulis dengan harapan guru tersebut akan menerima jawapan mereka. Adakah ia akan mengabaikan jawapan yang tidak relevan itu mahupun menolak markah tersebut kerana telah memaksanya untuk membaca jawapan tersebut? (Sesetengah fakulti psikologi memilih kaedah penilaian secara analitikal di awal karier mereka, tetapi akhirnya menukar fikiran setelah beberapa tahun mencari jawapan yang mempunyai respons) (Lucas & Bernstein, 2005). Tambahan lagi, buat keputusan dan huraikan bagaimana guru itu akan mengendalikan kriteria penulisan esei, seperti ejaan, tatabahasa ataupun tulisan yang kurang baik, yang mungkin nampak seperti tidak relevan dengan objektif pembelajaran tetapi boleh menjejaskan kebolehan pelajar untuk mencapai objektif karier jangka panjang (Lucas & Bernstein, 2005).

Setelah sampai masanya untuk membaca satu set esei peperiksaan, cari tempat yang tenang untuk melakukannya agar guru itu tidak mendapat apa-apa gangguan. Guru tersebut juga perlu elakkan membuat markah keseluruhan set itu dalam sekali duduk dan perlu selaraskan dengan kemampuannya berkonsentrasi. Sekiranya ia mendapati dirinya letih, rasa kurang sabar atau tidak berminat untuk membacanya, berhentilah sebentar dan buat perkara lain untuk seketika. Membuat pemarkahan pada waktu-waktu yang berlainan akan mengurangkan rasa stres yang boleh mempengaruhi keputusan markah yang akan diberikan. Semasa membaca, Guru perlu berikan komen di ruangan yang disediakan yang boleh membantu pelajar untuk memahami cara pemarkahan yang diberikan bagi setiap soalan. Guru juga perlu beri kata-kata pujian bagi jawapan-jawapan yang baik. Sekiranya pelajar-pelajar terlalu ramai untuk diberikan pembetulan secara individu, pastikan ia membuat senarai kesalahan yang banyak mereka lakukan dan bincangkannya di dalam bilik darjah bersama-sama mereka (Lucas & Bernstein, 2005).

Semasa memberi markah esei-esei peperiksaan yang mengandungi lebih dari satu item, buatlah pemarkahan bagi soalan yang pertama dulu sebelum beralih ke soalan yang seterusnya. Aturan ini sangat penting sekiranya guru itu menggunakan kaedah penilaian kualiti global. Membaca setiap jawapan bagi soalan yang sama akan memudahkan guru membuat perbandingan terhadap prestasi para pelajar dan mengurangkan rasa pening disebabkan jawapan-jawapan mereka yang boleh mempengaruhi markah kertas pelajar yang seterusnya. Akhir sekali, guru perlu elakkan melihat nama pelajar di awal muka kertas peperiksaan untuk mengelakkan kemungkinan ia boleh mempengaruhi pemarkahannya terhadap pelajar-pelajar yang tertentu secara bias (Lucas & Bernstein, 2005).

Sebelum membuat keputusan untuk membuat ujian soalan subjektif, anggarkan masa yang perlu diperuntukkan bagi setiap soalan dan kemudian didarabkan dengan jumlah pelajar di dalam bilik darjah. Kemudian didarabkan lagi jumlah tersebut dengan jumlah ujian yang diberikan dalam kursus tersebut dan perhatikan sama ada komitmen untuk sesi pemarkahan itu realistik dengan tanggungjawab akademik yang lain dan juga hal peribadi atau tidak (Lucas & Bernstein, 2005).

Kelebihan Ujian Soalan Subjektif

Ujian subjektif mempunyai kelebihan-kelebihan yang tersendiri. Antaranya adalah (Ahmad Mohd. Salleh, 2011):

- (1) Ia dapat dibina dan ditadbirkan dengan mudah.
- (2) Ia memberi peluang kepada pelajar untuk mengemukakan idea atau fakta yang dikuasainya.

- (3) Ujian ini boleh menguji setakat mana penguasaan pelajar tersebut dalam satu-satu unit pelajaran atau keseluruhan isi pelajaran yang dipelajarinya.
- (4) Membolehkan pelajar untuk mengemukakan pengetahuan serta kemahiran yang mereka miliki.
- (5) Ia tidak membuka ruang yang luas untuk pelajar meneka jawapan sebenar.
- (6) Ujian ini dapat digunakan secara meluas dalam kebanyakan mata pelajaran.

Kelemahan Ujian Soalan Subjektif

Antara kelemahan-kelemahan yang dapat dikenal pasti dalam ujian subjektif adalah (Ahmad Mohd. Salleh, 2011):

- (1) Kurang dapat kebolehpercayaan dari segi permarkahan yang sebenar.
- (2) Ia menyebabkan pelajar-pelajar untuk cenderung menggalakkan mereka menghafal satu-satu topik yang difikirkan akan keluar dalam peperiksaan.
- (3) Memerlukan masa yang panjang untuk pelajar-pelajar menjawabnya.
- (4) Unsur-unsur lain seperti tulisan, kekemasan dan penyusunan jawapan sedikit sebanyak boleh mempengaruhi pemeriksa.
- (5) Memerlukan kefasihan dan kemahiran berbahasa untuk mengemukakan idea atsau pendapat yang tepat.

Ujian Soalan Objektif

Sekiranya masa yang diperlukan untuk membuat pemarkahan ujian esei ataupun jawapan pendek itu tidak realistik, guru boleh gunakan ujian yang berbentuk soalan-soalan objektif. Bentuk ujian seperti ini boleh diberi markah dengan cepat dengan menggunakan *optical scanner*. Begitu juga dengan kemudahan rangkaian komputer yang lengkap, hasil permarkahan dapat dimuat turun secara elektronik kepada jadual penggredan pengajar berasaskan komputer. (Lucas & Bernstein, 2005)

Walaupun ujian soalan objektif boleh diberi markah dengan cepat, ia menggunakan masa yang lama untuk menulis soalan-soalannya. Satu cara untuk mengurangkan bebanan itu ialah dengan menulis dua atau tiga item soalan objektif serta-merta setiap kali selepas habis satu period mengajar di mana pada waktu itu pengajaran tersebut serta reaksi pelajar terhadapnya masih segar di ingatan. Strategi ini boleh membantu untuk memastikan perkara-perkara penting yang diajar di dalam bilik darjah telah disentuh, juga terdapat dalam peperiksaan. (Lucas & Bernstein, 2005)

Panduan Menyediakan Soalan Objektif

Di sini ada beberapa garis panduan untuk membuat soalan-soalan objektif (Lucas & Bernstein, 2005):

- (1) Setiap soalan mesti hanya ada satu sahaja jawapan yang betul dan jelas. Peraturan ini senang dikemukakan tetapi amat sukar untuk dibuat kerana ia dengan mudah saja terlepas pandang dengan jawapan yang mempunyai dua maksud dan sedikit kesalahan dalam penggunaan istilah yang mana dua jawapan alternatif nampak munasabah. Malah sebenarnya, ia sering berlaku apabila ada pelajar datang untuk mendapatkan penjelasan tentang sesuatu perkara, atau membahaskan tentang pemarkahan yang diberikan yang membuatkan guru itu sedar bahawa soalan tersebut bukanlah soalan yang baik. Ia merupakan perkara yang sukar dielakkan untuk menghasilkan beberapa soalan objektif kurang jelas. Namun, sekiranya ia dilakukan dengan berhati-hati dengan dibantu sekurang-kurangnya seorang daripada kawan

- anda, ia boleh dibetulkan lagi sebelum soalan tersebut sampai kepada pelajar .
- (2) Bentuk soalan dan jawapan-jawapan pilihan hendaklah tidak dikaitkan dengan perkara-perkara yang tidak relevan.
 - (3) Elakkan daripada menggunakan bentuk soalan negatif untuk diberikan kepada pelajar. Istilah yang negatif cenderung menjadikannya rumit, terutama sekali jika berada dalam keadaan stres menjawab soalan peperiksaan. Para pelajar dengan mudahnya akan menjadi keliru tentang apakah sebenarnya soalan tersebut mahukan. Sekiranya guru mahu membubuh ayat yang negatif, pastikan anda membesarkan aksaranya ataupun diitalikkan perkataan negatif itu. Contoh A lebih baik daripada Contoh B.

Contoh A

Yang mana satukah di antara jawapan-jawapan ini BUKAN ciri-ciri orang munafik?

- a. Berbohong
- b. Suka bersedekah
- c. Tidak amanah
- d. Mungkir janji

Contoh B

Yang mana satukah di antara jawapan-jawapan ini bukan ciri-ciri orang munafik?

- e. Berbohong
- f. Suka bersedekah
- g. Tidak amanah
- h. Mungkir janji

- (4) Semua jawapan alternatif mestilah samar-samar, tetapi berbeza dengan jawapan betul yang alternatif untuk membuktikan pembelajaran pelajar terhadap konsep, prinsip dan aplikasi. Oleh itu, jika jawapan yang betul kepada sesuatu soalan itu “tetulang negatif”, maka alternatif yang baik itu boleh jadi “hukuman”, “tetulang positif” dan “tetulang perbezaan”. Dalam erti kata lain, jawapan yang tidak betul perlu datang dari pengetahuan yang sama sebagai jawapan yang betul, melainkan jika guru ingin mencuba untuk membuat soalan yang terlalu sukar ataupun soalan yang *tricky* (yang mana ia tidak sarankan), hendaklah dipastikan jawapan-jawapan yang salah tidak nampak sama dengan jawapan yang betul yang mana pelajar yang pandai pun akan terlepas pandang. Namun perlu diingatkan, sekiranya guru banyak menggunakan soalan seperti ini akan menghasilkan markah yang kurang bermakna daripada yang guru itu harapkan.
- (5) Semua jawapan alternatif hendaklah menggunakan tatabahasa yang konsisten dengan soalnya.
- (6) Elakkan daripada menyediakan jawapan-jawapan dengan menggunakan istilah yang sama atau perbezaan yang ketara dengan perkataan yang terdapat di dalam soalan yang boleh memberikan jawapan kepada soalan itu sendiri.
- (7) Semua jawapan alternatif hendaklah lebih kurang sama panjangnya agar jawapan yang betul itu tidak kelihatan ketara. Ia selalunya perlu untuk memasukkan frasa yang layak sebagai jawapan yang betul untuk membezakan daripada alternatif yang tidak betul. Buat dulu jawapan yang betul, kemudian baru buat yang lain.
- (8) Jawapan yang betul hendaklah diletakkan secara rawak di dalam setiap kedudukan alternatif (a, b, c, d), kemudian diselaraskan jika perlu untuk memastikan bahawa ia berada di setiap kedudukan yang sama beberapa kali. Elakkan daripada meletakkan jawapan pada kedudukan yang ketiga, di mana para pelajar selalu merasakannya betul.

- (9) Kurangkan daripada penggunaan alternatif istimewa seperti “semua yang di atas” atau “B atau C, tapi bukan A”. Perkara ini boleh mencabar dan berguna, tetapi jika dibuat dengan begitu banyak ia akan membuatkan peperiksaan itu lebih susah daripada yang kamu mahukan.
- (10) Jangan masukkan di dalam soalan apa sahaja informasi yang tidak perlu.

Format Ujian Alternatif

Secara kebiasaannya, ujian dilakukan di dalam bilik darjah, di mana pelajar-pelajar akan menjawab soalan berseorangan tanpa merujuk mana-mana bahan rujukan. Namun, sesetengah guru menggunakan kaedah ujian buka buku atau dibawa balik rumah. (Lucas & Bernstein, 2005)

Ujian Buka Buku dan Bawa Balik Rumah

Ujian buka buku selalu dibuat untuk kursus yang bersifat statistik, di mana matlamat guru tersebut adalah untuk memudahkan pelajar menyelesaikan masalah dan menganalisis data menggunakan formula, informasi dan prosedur tanpa memerlukan pelajar untuk menghafal .

Ujian yang dibawa balik rumah merupakan antara satu cara ujian berkonsepkan buka buku. Ujian seperti ini sangat popular di kalangan kursus-kursus psikologi di mana para pelajar diminta untuk menjawab esei yang memerlukan masa dan analisis yang mendalam. Masa yang diperuntukkan di dalam bilik darjah pula tidak mencukupi bagi mendapatkan jawapan yang dimahukan. Sesetengah guru lebih suka menggunakan kaedah ini yang melibatkan penulisan esei kerana ia boleh membantu pelajar untuk membuat kajian tentang sesebuah fakta dan juga untuk menghasilkan jawapan yang berkualiti. Biasanya ujian bawa balik rumah ini mengandungi soalan-soalan yang meminta pelajar untuk mengintegrasikan bahan yang dipelajari sepanjang tempoh akademik .

Sebahagian guru pula tidak memberikan ujian bawa balik rumah ini kerana bimbang pelajar-pelajar akan meminta bantuan daripada orang lain, iaitu selain daripada sumber buku teks dan juga sumber lain yang diiktiraf. Kemungkinan ini ada benarnya. Begitu juga tidak semua pelajar suka dengan kaedah ujian seperti ini. Ada di antara mereka tidak mempunyai pengurusan masa yang baik dan lebih suka jika ujian tersebut hanya diadakan satu waktu peperiksaan yang khusus sahaja (Lucas & Bernstein, 2005).

Ujian Kolaboratif

Kaedah pembelajaran kolaboratif merupakan satu lagi pendekatan yang digunakan untuk membuat penilaian. Dalam pendekatan ini, para pelajar dibenarkan untuk menjawab soalan peperiksaan secara berkumpulan dan setiap ahli dalam kumpulan itu akan mendapat markah yang sama. Selain itu, antara caranya adalah pelajar boleh mengambil bahagian peperiksaan secara individu, kemudian bekerjasama di pihak yang lain. Sesetengah pengajar menawarkan pelajar-pelajar pilihan sama ada mereka mahu mengambil peperiksaan secara individu atau sebagai sebahagian daripada kumpulan. Jika guru memutuskan untuk menggunakan mana-mana versi ujian kolaboratif, pastikan bahawa anda telah fikirkan dengan tepat apa prosedur penilaian yang akan guru gunakan, dan sudah tentu, mengumumkan mereka terlebih dahulu. Ujian Kolaboratif merupakan satu cara terbaik untuk menggalakkan interaksi pelajar-pelajar dalam kursus guru jika digunakan dengan berhati-hati (Lucas & Bernstein, 2005).

KERTAS KERJA

Tugasan bertulis akan membantu para pelajar untuk mengasah kemahiran mereka dalam penulisan dan juga membantu anda untuk menilai pengetahuan mereka dengan lebih baik. Tambahan lagi, seperti yang akan dihuraikan di akhir bab ini, hampir kesemua tugasan bertulis boleh

dikonfigurasi untuk memainkan peranan sebagai pembelajaran aktif dan latihan pemikiran kritikal (Lucas & Bernstein, 2005).

Kerja Tugas dan Kerja Projek

Penulisan kertas kerja untuk jumlah pelajar yang sedikit boleh melibatkan kerja tugas dan kerja projek 15 ke 20 mukasurat atau lebih bagi pelajar pengajian tinggi. Untuk membuat kertas kerja seperti ini, jelaskan terlebih dahulu apa yang guru mahukan daripada hasilnya dan bilakah tarikh akhir menghantar kertas itu. Hasil kertas kerja pelajar yang dibuat di saat-saat akhir bukanlah hasil yang baik. Oleh itu guru perlu tentukan bilakah tarikh akhir untuk menyiapkan tiap-tiap kertas kerja. Ia juga boleh berikan pelajarinya satu tempoh masa untuk mereka hantar kepada guru tersebut penerangan ringkas mengenai sesuatu topik yang akan mereka buat. Langkah ini akan menjimat masa dan tenaga seorang guru kerana pelajar-pelajar sudah memilih dan menganalisa topik mereka terlebih dahulu soalan-soalan yang meluas skopnya untuk menterhadkan ia kepada jumlah mukasurat dan tarikh akhir yang telah ditentukan oleh guru. Dengan membantu pelajar menghalusi soalan asal mereka di peringkat awal, ia bukan sahaja akan memudahkan beberapa kekecewaan mereka, malah anda juga akan mempunyai banyak peluang membaca hasil karya yang berkualiti.

Guru juga boleh menetapkan tarikh akhir untuk menghantar bibliografi beranotasi. Jika ia lakukan ini, pastikan bahawa apakah sumber-sumber yang boleh diterima dan tidak boleh diterima untuk menulis kertas kerja telah tentukan dengan tepat. Guru-guru perlu memberi amaran kepada pelajar tentang laman web manakah yang benar-benar tidak boleh dipercayai. Tarikh akhir interim yang lain mungkin boleh ditetapkan sebagai satu tempoh untuk mereka hantar kepada anda garis kasar, dan kemudian draf kasar projek-projek bertulis mereka. Lebih awal tarikh akhir ini ditetapkan, lebih banyak masa yang guru dapat untuk mengkritik bahan yang dikemukakan. Ramai pelajar juga akan jadi lebih cenderung untuk mendapatkan projek dan hasil yang akan dibaca olehnya adalah hasil yang memuaskan.

Sesetengah pengajar meminta pelajar-pelajar mereka untuk bertukar-tukar draf kasar, mengkaji semula usaha-usaha masing-masing, kemudian dikembalikan semula untuk memperbaikinya lagi. Proses kajian semula oleh rakan sebaya boleh jadi berguna kepada pelajar-pelajar, tetapi jika ia memutuskan untuk menerima pakai pendekatan ini, jelaskan kepada mereka apa yang anda mahukan daripada hasil pandangan rakan sebaya itu. (Lucas & Bernstein, 2005)

Kerja Kursus untuk Jumlah Pelajar yang Ramai

Kesukaran boleh timbul dalam menetapkan penulisan kerja kursus yang panjang untuk diberikan kepada ramai pelajar, jadi guru boleh menggunakan satu keping kertas peperiksaan kerana ia boleh diberi markah dengan menggunakan pendekatan analitikal atau kaedah penilaian rubrik seperti yang dinyatakan sebelum ini (Lucas & Bernstein, 2005)

Kertas Penilaian Mini

Guru boleh menyediakan beberapa "kertas penilaian mini" untuk meliputi spektrum bahan kursus yang meluas. Sebagai contoh, salah seorang daripada kita memberikan 12 keping kertas yang memerlukan informasi yang terkandung dalam 12 daripada 18 bab dalam kitab Feqh. Lain-lain tugas yang pendek boleh digunakan untuk menilai pengetahuan pelajar, seperti dengan meminta mereka untuk membentuk eksperimen mengenai topik tertentu. (Lucas & Bernstein, 2005)

Jurnal

Sebagai alternatif kepada kertas peperiksaan mini, guru perlu meminta pelajar untuk menyimpan dan menghantar jurnal yang berkaitan dengan kursus secara berkala. Jurnal tersebut boleh

mengandungi beberapa jenis penyertaan, termasuk jawapan kepada soalan pengajar yang khusus, tindak balas kepada syarahan atau tugas bacaan, rekod pemerhatian harian (contohnya, mimpi, perasaan atau tekanan), soalan berkaitan bahan kursus dan pemikiran tentang bagaimana topik kursus itu berkaitan.

Sesetengah pengajar membenarkan pelajar untuk membuat catatan jurnal mereka bila-bila masa mereka kehendaki, tetapi jika guru itu mahu jurnal itu dibuat sebagai rangka kerja untuk mempelajari kandungan kursus tertentu atau untuk mengintegrasikan kandungan kursus dan pengalaman pelajar, menubuhkan satu siri tarikh akhir untuk membuat penyertaan dan menghantar jurnal untuk semakan guru mungkin merupakan cara yang terbaik. Kebanyakan pengajar meminta pelajar untuk menulis dalam jurnal mereka di luar kelas, tetapi terdapat juga cara-cara untuk membuat penyertaan jurnal sebahagian daripada sesi kelas. (Lucas & Bernstein, 2005)

Jenis-jenis Penulisan Kerja Kursus yang Lain

Guru juga boleh meminta pelajar-pelajar untuk menulis ulasan buku, surat-surat kepada editor, kritikan kajian penyelidikan, mahupun jurnal artikel (Lucas & Bernstein, 2005).

Portfolio Pelajar

Dengan adanya portfolio pelajar, para pelajar akan diberi peluang untuk memikirkan balik hasil usaha mereka, kemajuan dan pembelajaran. Portfolio pelajar mengandungi koleksi karya pelajar sepanjang tempoh tertentu, termasuklah tugas kerja kursus yang lepas, peperiksaan bermarkah, projek-projek kursus dan lain-lain. Portfolio ini biasanya dihantar pada pertengahan dan akhir semester. Ia dinilai oleh pengajar dengan menggunakan kriteria lulus-gagal atau gred berhuruf (Semua kerja kursus yang bertulis, kriteria untuk penilaian portfolio pelajar perlu digariskan semasa portfolio tugas itu dibuat).

Portfolio pelajar sememangnya mengambil banyak masa untuk membaca dan diberi markah, dan malangnya, sesetengah pelajar menghabiskan terlalu banyak masa mengumpul barang-barang yang diperlukan. Walau bagaimanapun, kebanyakan guru berasa bahawa kelemahan portfolio itu lebih banyak daripada kebaikannya dan ia juga termasuk membantu pelajar untuk mengaplikasikan teori-teori dan konsep-konsep yang mereka pelajari dalam psikologi, menggalakkan pelajar untuk mendalami lagi bahan kursus, untuk menonjolkan kreativiti, dan untuk menyampaikan pengetahuan dan pemahaman melalui saluran yang selain daripada peperiksaan tradisional dan kertas (Lucas & Bernstein, 2005).

Menetapkan Tahap Penulisan Kerja Kursus

Apa-apa sahaja kerja kursus yang guru berikan untuk pelajar, pastikan guru itu sudah menyemak dengan perpustakaan untuk memastikan bahawa mereka dapat menyediakan sumber-sumber yang diperlukan sebagai sumber rujukan pelajar-pelajarnya. Langkah ini sangat penting terutamanya jika guru tersebut mengarahkan pelajar-pelajar untuk menulis mengenai topik yang agak terbatas pengetahuan mereka mengenainya. Ia boleh meminta pustakawan untuk menerangkan pelajar-pelajar anda tentang bagaimana untuk mencari sumber-sumber yang perlu untuk menyiapkan tugas (Lucas & Bernstein, 2005).

RUMUSAN

Kertas kerja ini telah membincangkan mengenai kaedah penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dengan disediakan garis panduannya untuk membuat sesuatu penilaian. Perbincangan ini termasuklah dua jenis penilaian iaitu penilaian formatif dan sumatif yang juga diterangkan apakah perbezaan antara duanya. Selain itu juga terdapat penilaian yang

berbentuk ujian dan kuiz seperti ujian subjektif, ujian objektif dan format ujian alternatif sebagai panduan kepada guru-guru dalam membuat suatu kaedah penilaian pengajaran.

RUJUKAN

- Ahmad Mohd. Salleh (2011). *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam KPLI Pengajian Islam & j-QAF Edisi Kedua*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ee Ah Meng (1991). *Pedagogi Satu Pendidikan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Mok Soon Sang (1994). *Penilaian, Pemulihan dan Pengayaan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Mok Soon Sang (2009). *Pedagogi Untuk Pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Sandra Goss Lucas, Douglas A. Bernstein (2005). *Teaching Psychology: A Step By Step Guide*. London: Lawrence Erlbaum Associates.